

Tutup



# TDM Berhad kembali tersenarai sekuriti patuh syariah

RAHAYU MUSTAFA | | 27 November 2020



Raja Idris Raja Kamaruddin

KUALA TERENGGANU – Anak syarikat kerajaan Terengganu, TDM Berhad dimasukkan semula ke dalam senarai sekuriti Patuh Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bersama 34 syarikat perladangan lain yang sudah berada dalam senarai.

Pengerusi TDM Berhad, Datuk Raja Idris Raja Kamaruddin berkata, senarai sekuriti patuh syariah terkini yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) SC itu akan berkuat kuasa bermula hari ini.

"Pengiktirafan semula TDM sebagai organisasi patuh syariah mengukuhkan lagi jaminan kepada pelabur dan pihak berkepentingan bahawa perniagaan syarikat mematuhi kriteria ditetapkan oleh Metodologi Saringan Syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kumpulan TDM dikecualikan dari senarai patuh syariah pada tahun 2015 kerana tidak mematuhi tanda aras berasaskan aktiviti yang disemak semula di mana had yang dibenarkan diperketatkan kepada lima peratus daripada 10 peratus.



**TERKINI** | POPULAR

1 Kedudukan UiTM melonjak walaupun dalam pandemik Covid-19
2 Permohonan Jamal batal saman fitnah Teresa Kok ditolak
3 Ribuan peminat ucap selamat tinggal buat Maradona
4 Sultan Johor kurnia bot laju kepada PPM
5 Lelaki dituduh sebabkan kematian warga emas

Pada Oktober 2018, TDM Berhad telah menyusun 'IDR Note' dan 'Credit Linked Note' mengikut tetapan tanda aras yang disemak semula dan bermula hari ini, TDM merupakan salah satu daripada 715 saham patuh syariah di Bursa Malaysia.

Ketahui lagi

Kumpulan TDM kini memberi fokus kepada strategi dan pelan kesinambungan perniagaan untuk mengembangkan perniagaan syarikat.

Dengan pengambilalihan TDMYT Plantation Sdn Bhd yang sebelum ini dikenali sebagai THP-YT Plantation Sdn Bhd, TDM kini memiliki 17 ladang kelapa sawit, tiga kilang, tiga kilang Bio-Organik dan tiga loji Biogas yang terletak di Terengganu serta Indonesia.

Selain perladangan, Kumpulan TDM juga aktif dalam bidang penjagaan kesihatan melalui anak syarikatnya, Kumpulan Medic Iman Sdn Bhd (KMIHealthcare) yang menguruskan empat hospital pakar iaitu Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTSH), Kuantan Medical Centre (KMC), Kelana Jaya Medical Centre (KJMC) and Taman Desa Medical Centre (TDMC).

Kedudukan UiTM melonjak walaupun dalam pandemik Covid-19

TDM Berhad | kembali tersenarai | sekuriti patuh syariah | patuh syariah | TDM patuh syariah

*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*




**lagi mudah berzakat online**

PPZ
Menyucikan zakat anda, hanya 2 minit untuk membuat pengiraan zakat anda

Advertisement



Ketahui lagi

Apakah reaksi anda? 2 votes

Powered by Vuukle

| 50% | 0% | 50% | 0% | 0% | 0% |
|---|---|---|---|---|---|
| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |

Recommended Articles


Awas, bahaya lopak air! Penunggang motosikal maut diseret lori sejauh hampir satu kilometer - Sinar ...
2 comments
79%


Kamitetep kecil je... selalu melekap kat dinding berbahaya pada kulit, suka rosakkan fabrik - Sinar ...
2 comments
36%


Ketagih nak makan, sanggup bawa masuk pinggan dalam kereta. Ini komen tauke Restoran Hakim - Sinar P...
1 comments
45%

5 50%

Komen

## Artikel Berkaitan



### Wasiyyah tawar peluang keusahawanan

KUALA LUMPUR - Wasiyyah Shoppe Berhad, syarikat amanah patuh syariah terbesar dan peneraju di Malaysia mengumumkan tawaran khas kepada orang ramai...



### Wasiyyah Shoppe lantik Dr Afifi sebagai penasihat

KUALA LUMPUR - Wasiyyah Shoppe Berhad, syarikat amanah patuh syariah peneraju yang berkepakaran di dalam industri perancangan harta secara syariah dan...


## Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan

Polisi Data Peribadi.

Langgan



Sinar Karangkraf Sdn. Bhd.
Lot 1, Jalan Renggam 15/5,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

603.5101.7388
603.5101.7333
editorsh@sinarharian.com.my





© 2018 All Rights Reserved • Karangkraf Group • © 2018 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Karangkraf